

Pengeluaran dana asing perlahan, ringgit kukuh

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Aliran keluar dana asing daripada Bursa Malaysia mulai perlahan sepanjang minggu lalu, berbanding trend yang berlaku sebelum pemilihan Presiden Amerika Syarikat (AS) pada pertengahan November lalu.

Berdasarkan kiraan mingguan yang dilakukan oleh MIDF Research, pengeluaran dana asing yang berlaku berakhir Jumaat lalu berjumlah RM392.4 juta, iaitu nilai terendah yang dicatatkan sejak 28 Oktober lalu.

"Ini memberi petanda kembalinya keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap pasaran ekuiti Malaysia," jelas firma itu dalam laporan mingguannya di sini hari ini.

Jelas MIDF lagi, sepanjang 2016 setakat minggu lalu, aliran keluar dana asing daripada pasaran saham Malaysia telah mencecah RM2.5 bilion. Namun ia dilihat sebagai pemulihan berbanding aliran keluar RM19.5 bilion yang berlaku bagi keseluruhan tahun 2015.

Sepanjang minggu lalu juga, pelabur-pelabur institusi termasuk Permodalan Nasional Bhd. (PNB), Khazanah Nasional Bhd. dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) membelanjakan RM371.3 juta untuk membeli saham-saham tempatan.

Prestasi ringgit juga mula mempamerkan pengukuhan apabila meningkat 0.64 peratus berbanding dolar AS kepada RM4.4245 berbanding RM4.4680 pada awal Disember lalu. Setakat sesi pembukaan hari ini, ringgit berlegar sekitar RM4.4215 berbanding dolar.

Di dalam nota kajian yang berasingan, firma itu meramalkan ringgit akan pulih sehingga RM4.20 berbanding dolar pada 2017, ekoran pemulihan harga minyak dunia kesan tindakan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan sekutunya mengumumkan pengurangan keluaran minyak bermula tahun depan.